



Situasi semasa perlawanan yang terakhir

Foto Oleh Tan Kah Ying

Pertandingan Bola Jaring Berjalan Dengan Lancar

Oleh Calvin Choong

calvin.choong95@gmail.com

KOTA KINABALU, 12 MAC – Pertandingan bola jaring yang dianjurkan oleh Jawatan Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman E Universiti Malaysia Sabah (UMS) sempena Program Minggu Wanita telah berjalan dengan lancar dan telah melahirkan pemenang daripada 4 kumpulan yang menyertai pertandingan itu.

Pertandingan bola jaring itu telah diadakan pada hari Sabtu, 11 Mac di Anjung Perdana, Kolej Kediaman E UMS. Menurut kepada Siti Nurhazirah Binti Ishak, Pengarah bagi Program Minggu Wanita, sasaran peserta bagi pertandingan itu adalah mahasiswi yang tinggal di Kolej Kediaman E UMS.



Aktiviti senamrobik sebelum pertandingan bola jaring

Foto Oleh Tan Chai Jie

Pertandingan bola jaring dijalankan selepas aktiviti senamrobik yang diketuai oleh Hasmina Bakri, Pengarah Fitness Dance bagi Kelab Lentera Tari Kolej Kediaman E.

Pertandingan bola jaring itu telah disertai oleh empat kumpulan iaitu Kumpulan A, B, C dan D. Pertandingan itu bermula pada pukul 9 pagi dengan perlawanan daripada Kumpulan A dan

Kumpulan B.

Perlawanan bola jaring itu dijalankan dalam bentuk 3 orang sekumpulan dan setiap kumpulan terdiri daripada 5 orang pemain. Perlawanan yang terakhir disertai oleh Kumpulan B yang menewaskan Kumpulan A dan Kumpulan C yang menewaskan Kumpulan D.

Markah bagi perlawanan yang terakhir itu ialah 26-12 iaitu Kumpulan B telah memperoleh 14 markah lebih daripada Kumpulan C dan menjelang juara bagi pertandingan bola jaring kali ini. Selepas pertandingan bola jaring tamat, pengarah Program minggu Wanita Kolej Kediaman E, Siti Nurhazirah telah berkata bahawa beliau berasa amat berterima kasih kepada semua peserta yang menyertai pertandingan ini supaya program ini dapat berjalan dengan lancar.

"Ini adalah kali pertama kita menganjurkan Program Minggu Wanita ini di Kolej Kediaman E, program ini dijalankan bertujuan untuk memartabatkan kaum wanita," kata Nurhazirah.

"Sebenarnya rancangan asal kita bukannya pertandingan bola jaring tetapi futsal. Namun, kebanyakan mahasiswi lebih suka bermain bola jaring dan biasa dengan permainan ini,"

Kumpulan Lawan	A	B	C	D
A		2-9	5-27	9-10
B	9-2		26-12	31-1
C	27-5	12-26		12-6
D	10-9	31-1	6-12	

Markah akhir pertandingan bola jaring

Foto Oleh Tan Chai Jie

"Akibat daripada kekangan masa, kita terpaksa juga mengantikan rancangan asal kita dengan menganjurkan pertandingan bola jaring," jelas lagi Nurhazirah.

Nurhazirah juga berkata, "Penganjuran Program ini telah melibatkan seramai 68 orang ahli jawatankuasa yang terbahagi kepada beberapa unit, semoga aktiviti-aktiviti yang akan diadakan seterusnya juga dapat berjalan dengan lancar."

Pemenang-pemenang bagi pertandingan bola jaring ini akan hadir pada majlis penutupan Program Minggu Wanita Kolej Kediaman E yang bertempat di Kafe Kolej Kediaman E pada 12 Mac, bermula pada pukul 11 pagi kerana sesi penganugerahan hadiah ditetapkan pada majlis penutupan Program Minggu Wanita.